



## Jualan Rahmah dua kali sebulan peringkat DUN mulai Ogos

Oleh Hazira Ahmad Zaidi - Ogos 4, 2023 @ 8:32pm

KOTA BHARU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan melaksanakan program Jualan Rahmah dua kali sebulan di 640 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) seluruh negara bermula bulan ini.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh berkata, inisiatif itu susulan peruntukan tambahan RM50 juta untuk memperluaskan inisiatif itu seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 30 Julai lalu.

Beliau berkata, KPDN menyasarkan 6,400 lokasi penganjuran program Jualan Rahmah membabitkan 640 kawasan DUN sehingga hujung tahun ini.

"Dengan peruntukan tambahan ini, kami akan melaksanakan Jualan Rahmah sebanyak dua kali sebulan di peringkat DUN berbanding sebelum ini hanya sebulan sekali.

"Ini menunjukkan keprihatinan PM (Perdana Menteri) untuk meringankan beban kos sara hidup rakyat melalui tiga model Jualan Rahmah iaitu dalam premis, luar premis dan Jualan Rahmah Bergerak iaitu berkonsepkan kedai cari rakyat supaya sampai ke semua pelosok kawasan terutamanya B40 dan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Karnival Rahmah Peringkat Kelantan di Pasaraya Mydin Tunjong, di sini, hari ini.

Terdahulu, Fuziah menyampaikan bakul Rahmah terdiri barang keperluan asas kepada penerima kumpulan B40.

Mengulas lanjut, katanya, sejak Jualan Rahmah diperkenalkan awal Januari lalu, sebanyak 1,193 lokasi terbabit program itu sehingga hari ini.

"Justeru, KPDN mengajak dan menggalakkan lebih ramai pemain industri sama ada pasar raya, pemborong dan peruncit untuk sama-sama menjayakan aspirasi Jualan Rahmah bagi mengurangkan tekanan terhadap kos sara hidup rakyat.

"Penganjuran Jualan Rahmah dapat memberi kesan positif dalam usaha untuk meringankan kos sara hidup rakyat Malaysia melalui jumlah keseluruhan pengunjung lebih dua juta dengan rekod jualan seluruh negara melebihi RM50 juta," katanya.